



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YABHG. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH
DR. WAN ISMAIL**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN LAMAN AGRO-FOOD
FLORIKULTUR
“*MAGICA GARDEN*”, JABATAN PERTANIAN
MAHA 2026**

**30 OGOS 2026 | AHAD
MAEPS, SERDANG, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahiim

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima kasih Pengacara Majlis, En. Amirul Azmi bin Supuan dan Pn. Munirah bt Adnan.

SALUTASI

(Akan dikemukakan kemudian)

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat sama-sama hadir dalam Majlis Perasmian Laman Agro-Food Florikultur Jabatan Pertanian untuk edisi MAHA 2026.

2. Terima kasih atas penghormatan yang diberikan untuk hadir merasmikan Laman Florikultur ini, selepas edisi "Miracle Garden" pada tahun 2024 yang lalu. Kita dapat lihat transformasi Laman "Magica Garden" pada edisi kali ini yang penuh ilham baharu dan kreativiti yang ditampilkan.

3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), serta seluruh rakan strategik yang bertungkus-lumus memelihara keindahan dan

membangunkan industri florikultur negara. Terima kasih juga buat semua petugas di setiap peringkat yang menyumbang idea, bakti dan keringat menjayakan program ini. Saya difahamkan penganjaran MAHA yang pertama diadakan pada tahun 1923, lebih 100 tahun yang lalu dan kini MAHA telah melalui pelbagai fasa perubahan dan penambahbaikan.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

4. Saya dimaklumkan bahawa bagi tempoh 2018 hingga 2024, industri florikultur negara telah menyumbang sebanyak RM3.1 bilion kepada nilai eksport keseluruhan negara. Pencapaian berskala bilion ini meletakkan Malaysia di kedudukan ke-10 sebagai pengeksport florikultur dunia dan peneraju utama di rantau ASEAN.

5. Jadi, industri florikultur bukan sekadar pameran estetika dan kecantikan semata-mata. Ia merupakan subsektor bernilai tinggi (*high-value agriculture*) yang menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara, pendapatan pengusaha tempatan, pemerikasaan keluarga serta agenda keterjaminan makanan.

6. Saya harap dengan usaha dan promosi yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak terutamanya Jabatan Pertanian, kita dapat membuka peluang ekonomi yang luas kepada usahawan muda, wanita, dan pekebun kecil, di samping memberi limpahan manfaat kepada sektor agropelancongan, e-dagang dan penataan landskap bandar.

7. Kita perlu mendorong peralihan daripada pengeluaran konvensional kepada rantai nilai berasaskan teknologi pintar. Manfaatkanlah teknologi untuk meningkatkan pengeluaran dan hasil, mempromosikan produk, menjaga kualiti dan sebagainya. Kerjasama antara kerajaan, institusi penyelidikan dan pihak swasta adalah kunci untuk memperkukuh jaringan logistik dan infrastruktur nurseri moden negara.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

8. Saya berharap agar inisiatif serta usaha kreatif seperti Laman Magica Garden ini terus menjadi pemangkin kepada pembangunan florikultur tempatan yang mampan, berdaya saing dan bertaraf dunia.

Ingatlah pegangan ini: *“Daripada bunga kepada nilai, daripada nilai kepada pasaran global.”*

9. Saya yakin usaha ini akan menyumbang secara signifikan kepada kejayaan penganjuran MAHA pada kali ini lebih-lebih lagi untuk menarik minat dan menggalakkan petani atau pengusaha muda. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di bawah pimpinan YB Datuk Seri Mohammad bin Sabu atas usaha berterusan dalam memperkasakan bidang pertanian dan menjamin bekalan makanan negara. Semoga semua yang kita laksanakan diberkati dan mencapai objektif yang direncanakan, Aminnnn InnsyaAllah.

10. “Dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim, saya dengan sukacitanya, merasmikan Laman Agro-Food Florikultur, 'Magica Garden', Jabatan Pertanian sempena MAHA 2026: Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.